

30/04/1999

Majlis di Kuala Terengganu sederhana tetapi meriah

Noor Jaafar

MALAM Baca Puisi Kuala Terengganu yang diadakan di kawasan terbuka di Dataran Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Terengganu, 23 April lalu agak meriah dengan penampilan beberapa penyair terkemuka, termasuk pelakon lelaki terbaik Asia menerusi filem Jogho, Khalid Salleh.

Walaupun baca puisi bulanan anjuran bersama Ruang Teater Tamu (Tetamu), Persatuan Penulis Nasional (Pena) dan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) itu tidak disaksikan ribuan penonton seperti perlawanan bola sepak atau konsert, memadai dengan penonton yang sederhana bagi usaha mengembangkan genre itu di kalangan masyarakat dan penyair tempatan.

Ia juga dijadikan acara tetap dan dimasukkan dalam kalendar aktiviti kebudayaan dan kesenian Terengganu Darul Iman sebagai wadah ke arah menyumbangkan prasarana pelancongan dan kebudayaan negeri.

Ketua Unit Sastera BHSB, Sutung Umar RS; Dinsman, penyair undangan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Syed Ahmad Kassim; Wan Ahmad Ismail dan S Bagio dari Kelantan, turut mendeklamasikan puisi masing-masing.

Sutung mendeklamasi dua puisi daripada antologi Puisi Panjang Untuk Mahathir karya Dinsman berjudul Malaysia Tanpa Mahathir dan Mereka Bercerita Tentang Mahathir. Dinsman turut mendeklamasi dua puisi iaitu Kenapa Begitu nukilan Sutung dan karya terbarunya, Pesan Kepada Seri Kandi.

Khalid menyampaikan enam puisi dengan penuh gaya iaitu Di Sini, Di Sana Serupa Saja, Kalau Mahu Senang, Menyisir Usia, Sempadan Rindu, Muassim dan Sajak Panjang Untuk Israel.

Syed Ahmad yang juga penaung malam baca puisi Kuala Terengganu menyampaikan puisi hasil karyanya termasuk puisi berjudul Sebuah Bicara. Syed Ahmad tampil lagi untuk sesi kedua membaca sajak Dinsman berjudul Puisi Panjang Untuk Mahathir I.

Wan Ahmad Ismail mendeklamasi Dari Kerana Mata, Terang Bulan dan Penutup dan Pengikat.

Sebagai penyair undangan bekas Ketua Satu Tetamu, Wan Hisham Datuk Wan Salleh turut menyampaikan puisi ringkasnya, bertajuk Semek secara bersahaja.

Bagaimanapun yang paling melucukan serta menjadi malam baca puisi itu penuh hilai tawa ialah persembahan S Bagio yang menyampaikan puisinya dalam bentuk pantun berkait dua kerat iaitu Jangan Bertukar.

Penampilan S Bagio yang bersahaja cukup menghiburkan hinggakan pendengar ketawa pada kelucuan setiap rangkap pantunnya. Antara rangkap itu ialah:

Jangan bertukar batang wali dengan pedu bumi
Jangan bertukar tok wali dengan tok sami
Jangan bertukar kerusi dengan meja
Jangan bertukar baju meksi dengan baju kemeja
Jangan bertukar jeruk dengan sira
Jangan bertukar beruk dengan kera
Jangan bertukar lipas dengan pesang
Jangan bertukar orang pas dengan orang Barisan
Jangan bertukar jururawat dengan pelawat
Jangan bertukar khalwat dengan liwat
Jangan bertukar anak ayam dengan anak jerung
Jangan bertukar baju kebaya dengan baju kurung
Jangan bertukar emak lain dengan bapak lain

Jangan bertukar lipat kain dengan selak kain
Jangan bertukar tanah galo dengan tanah rang
Jangan bertukar gula dengan garam
Jangan bertukar daun sena dengan daun pandan
Jangan bertukar orang betina dengan pondan
Jangan bertukar kudis buta dengan kerapu
Jangan bertukar pelita dengan lampu
Jangan bertukar burung ciak dengan burung ghuwak
Jangan bertukar cicak dengan biawak
Jangan bertukar buah salak dengan buah kelubi
Jangan bertukar gila talak dengan gila babi
Jangan bertukar Sri Rama dengan Dewa Sang Bima
Jangan bertukar tok bomoh dengan tok gomol
Jangan bertukar ikan gelama dengan ikan pari
jangan bertukar sebenar ulamak dengan ulama parti

Awang Abdullah yang menjadi pengacara malam baca puisi santai itu turut menampilkan beberapa penyair remaja yang dibimbingnya termasuk Fatimah Sidek, Jaafar dan Bariah Osman.

Peminat puisi juga dihiburkan oleh Anak Seni Darul Iman (Asdi) yang mendendang tiga lagu puisi termasuk Perjalanan hidup yang dipopularkan Ramli Sarip dan Berkolek Bersajak hasil ciptaan JM Aziz.

Fauzi Yahya menerusi Penjara Itu Terbuka Lagi dan Shamsir HM Kekasih Dan Terengganu Darul Iman turut mendeklamasikan puisi masing-masing sambil menghirup kopi panas berharga 30 sen dan burger yang dijual pada malam itu.

Malam Baca Puisi Terengganu secara umum dapat dianggap berjaya. Walaupun penonton tidak seramai penonton perlawanan bola sepak atau konsert rock, memang itu sesuatu yang telah dijangkakan, namun kehadiran penonton membayangkan pada bulan depan acara itu akan mendapat penonton lebih ramai. Tambahan pula juruacara pada malam itu mengumumkan pada bulan depan Sani Sudin dari Kumpulan Koprataasa akan muncul.

Barangkali yang agak aneh pada malam itu ialah tidak kelihatannya beberapa orang kuat Pelita. SM Nor tidak ada begitu juga Shariff Putera. Datuk Rashid Ngah tidak dapat hadir kerana ada acara bersama Datuk Sri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di bangunan Umno yang tidak berapa jauh dari Dataran Tunku Abdul Rahman, tempat berlangsungnya majlis Baca Puisi Terengganu.

Selain itu beberapa penyair muda yang sedang meningkat naik juga tidak hadir. Barangkali mereka berhalangan dan akan hadir pada bulan depan kerana acara itu adalah acara tetap setiap bulan.

(END)